

**TEKS UCAPAN**

**YAB TAN SRI MUHYIDDIN BIN MOHD YASSIN  
TIMBALAN PERDANA MENTERI  
MERANGKAP MENTERI PELAJARAN MALAYSIA**

**PERUTUSAN TAHUN BARU 2010**

**7 JANUARI 2010**

**PUTRAJAYA INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE**

*Bismillahirrahmanirrahim.*

Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Ka Siong  
Timbalan Menteri Pelajaran I;

Yang Berhormat Dr. Mohd Puad bin Zarkashi  
Timbalan Menteri Pelajaran II;

Yang Berbahagia, Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Awang,  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran;

Yang Berbahagia, Tan Sri Dato' Hj Alimuddin bin Hj Mohd Dom,  
Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha dan  
Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran;

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Pelajaran Malaysia;

Pengarah-Pengarah Jabatan Pelajaran Negeri dan Pengarah-Pengarah Institut  
Pendidikan Guru Malaysia

Dato'-Dato', Datin-Datin, Guru-guru, murid-murid serta tuan-tuan dan puan-puan yang  
dihormati sekalian.

*Assalamualiikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, selamat sejahtera dan salam  
1Malaysia.

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi puji dan syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia serta izinNya, maka kita dapat bersama-sama hadir di Majlis Perutusan Tahun Baru bagi tahun 2010 ini.

kepelbagaian. Melalui sistem pendidikan ini, anak-anak akan diasuh dengan nilai-nilai kebersamaan, hormat-menghormati, cintakan tanah air dan penerimaan antara satu sama lain. Nilai-nilai ini boleh dipupuk melalui pemakaian satu kurikulum kebangsaan, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang menekankan unsur-unsur perpaduan kebangsaan dan pemerksaan sekolah kebangsaan. Saya percaya dengan adanya usaha, tekad dan niat yang murni daripada pelbagai pihak dalam negara kita, baik kerajaan, para guru, ibu-bapa, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, dan warganegara yang prihatin untuk menyemai dan menyuburkan benih perpaduan di dalam hati dan sanubari generasi muda kita melalui satu sistem pendidikan yang mengutamakan nilai-nilai kebangsaan dan menghormati kepelbagaian, kita akan berjaya memperkukuhkan perpaduan negara selaras dengan hasrat dan gagasan 1Malaysia.

5. Hakikatnya, melahirkan modal insan yang berketerampilan dan memupuk perpaduan kebangsaan adalah dua matlamat murni sistem pendidikan negara. Lebih daripada itu, kita bersyukur kerana sistem pendidikan di negara kita dipandu oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang bermatlamat untuk melahirkan insan yang sempurna dan seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Justeru, fungsi utama pendidikan di negara kita ialah untuk membina dan membangun potensi yang ada pada setiap anak kita tanpa mengira perbezaan kaum, agama, bahasa dan budaya. Adalah menjadi hak setiap anak-anak di negara ini untuk mendapatkan pendidikan yang mampu menggarap dan membina segala potensi yang ada pada diri mereka secara seimbang dan sempurna. Ini bermakna, segala dasar, program dan usaha yang dilaksanakan oleh warga pendidik di seluruh negara haruslah mendahulukan pelajar. Melahirkan pelajar yang cemerlang dalam segala bidang merupakan keutamaan kita. Matlamat ini hanya akan dapat dicapai sekiranya kita bersama-sama membulatkan tekad dan memperteguhkan muafakat untuk meningkatkan kualiti pendidikan negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

*Championship 2009* di London yang disertai oleh 48 pasukan daripada 32 buah negara. Tahniah diucapkan kepada Sekolah Victoria yang telah menjuarai Kejohanan Pancaragam Sedunia 2009, yang telah berlangsung di Modena, Itali. Manakala dalam bidang sukan, pasukan Boling Tenpin MSSM telah menjadi naib johan acara berpasukan dalam Kejohanan Boling Tenpin Sekolah-Sekolah Asia ke-11 yang berlangsung di Hong Kong. Kita juga amat berbangga dengan kegigihan yang ditunjukkan oleh para atlet muda dari Sekolah Sukan Malaysia yang mampu bersaing dengan atlet senior di Temasya Sukan SEA Ke-25 di Laos dengan meraih sebanyak 28 pingat emas. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua!.

11. Kementerian amat maklum bahawa kejayaan pelajar kita dalam aktiviti kokurikulum dan sukan hanya dapat dicapai dengan usaha, tunjuk ajar dan pengorbanan para guru dan jurulatih yang gigih. Sehubungan itu, usaha yang lebih bersepadu untuk menambah baik kemudahan dan prasarana sukan, meningkatkan keupayaan jurulatih dan menyemarakkan program sukan dan kokurikulum di sekolah akan terus dilaksanakan pada masa hadapan. Untuk tujuan ini, seramai 480 orang jurulatih kokurikulum telah dilatih pada tahun 2009 bagi membolehkan 516 jawatan jurulatih kokurikulum diisi pada tahun 2010 ini.

Hadirin yang saya hormati sekalian,

#### **MEMANTAPKAN LATIHAN PERGURUAN**

12. Kita semua sedar bahawa kunci kepada kecemerlangan pendidikan ialah guru-guru yang berkualiti. Dalam usaha untuk meningkatkan kualiti guru dan memartabat profesionalisme keguruan, KPM telah melaksanakan beberapa strategi. Ini termasuklah menaik taraf maktab perguruan kepada institut pendidikan guru (IPG) yang menawarkan program ijazah. Kumpulan pertama guru terlatih IPG iaitu seramai 1,448 orang yang berjaya memperolehi ijazah sarjana muda pendidikan di bawah Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) pada Disember 2009 akan memulakan tugas

membiyai 962 sekolah bantuan kerajaan, memantapkan program pra sekolah serta menaiktaraf, membaikpulih dan menyelenggara sekolah, sebanyak RM 450 juta telah disalurkan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Pertama. Kementerian juga telah membekalkan perabot dan peralatan, menyediakan tenaga pengajar kontrak, membekalkan kabin, menaiktaraf, membaik pulih dan menyelenggara sekolah dan institusi pendidikan dengan bajet mini yang disediakan berjumlah RM 2 bilion. Ini membolehkan Kementerian membela dan memulihkan sekolah yang berada dalam keadaan dhaif yang memerlukan pembaikan segera.

16. Bagi memastikan anak-anak kita di luar bandar dan kawasan pedalaman menerima pendidikan yang sewajarnya, sebanyak 93 buah asrama baru, asrama tambahan dan gantian telah siap, atau sedang dalam proses pembinaan. Kebajikan guru di luar bandar dan kawasan pedalaman juga telah diberi perhatian utama. KPM telah melaksanakan sebanyak 168 buah projek rumah guru yang diharap akan dapat memastikan guru akan terus kekal berkhidmat di kawasan pedalaman dalam keadaan yang lebih selesa.

17. Selain itu, KPM juga telah melaksanakan projek bekalan air bersih, iaitu sebanyak 116 di Sabah, 211 di Sarawak dan 240 di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM387.9 juta. Bekalan elektrik telah berjaya disediakan di 429 buah sekolah di Sarawak, 197 di Sabah dan 48 di Semenanjung Malaysia dengan peruntukan sebanyak RM1.78 billion. Sementara bekalan elektrik 24 jam telah dapat disediakan kepada hampir semua sekolah iaitu 99.1 peratus sekolah rendah, dan 99.5 peratus sekolah menengah.

18. Dalam usaha merapatkan jurang digital, KPM telah memberi tumpuan kepada penyediaan infrastruktur, perisian dan latihan ICT. Daripada 3,025 projek pusat akses, 2143 (70.8%) projek telah disediakan di luar bandar. Dengan terlaksananya pembinaan pusat akses, maka ramai murid telah dapat melaksanakan pembelajaran sendiri, berkomunikasi secara elektronik, mencapai maklumat dan memperoleh kemahiran ICT.

tahun 2010. Kejayaan projek ini membuktikan bahawa bidang latihan guru kita telah diiktiraf oleh negara maju.

21. Dalam hubungan kerjasama peringkat dua-hala (*Bilateral*) dan pelbagai-hala (*Multilateral*), Malaysia terus memberi perhatian utama, termasuk penyertaan aktif dalam pertubuhan antarabangsa khususnya dalam bidang latihan keguruan, pengajaran dan pembelajaran menggunakan Bahasa Inggeris, kepimpinan pendidikan, pembangunan kurikulum serta memperkukuhkan rangkaian sekolah. Pelbagai saluran kerjasama bilateral seperti ASEAN, UNESCO, ISESCO, Komanwel, dan SEAMEO akan terus menjadi wadah penting untuk Malaysia meningkatkan keberkesanan sistem dan kualiti pendidikan negara secara berterusan, iaitu melalui pemindahan teknologi, pengalaman dan ilmu yang diterima untuk dimanfaatkan oleh murid-murid di negara ini melalui sistem persekolahan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

#### **HARAPAN BAGI TAHUN 2010**

22. Apakah harapan dan wawasan kita bagi tahun 2010? Walaupun kita telah berjaya melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kualiti pendidikan pada tahun 2009, kita juga akan berhadapan dengan pelbagai cabaran dan rintangan yang perlu ditangani bagi tahun 2010. Antara cabaran yang menuntut komitmen dan iltizam semua warga pendidik adalah **meluaskan akses pendidikan yang berkualiti dan berkemampuan** sebagaimana yang disasarkan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi pendidikan.

23. Justeru, bagi tahun 2010 saya ingin memberikan tumpuan khusus kepada usaha untuk mencapai sasaran awal empat sub-NKRA pendidikan. Pertama, untuk meningkatkan kadar penyertaan murid prasekolah, sasaran Kementerian bukan sahaja tertumpu kepada kanak-kanak yang berumur 5 tahun ke atas, malah juga meliputi

Sebanyak 20 buah sekolah disasarkan untuk menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi pada tahun ini agar matlamat kita menjadikan 100 buah sekolah dalam kumpulan ini pada tahun 2012 tercapai. Saya amat berharap agar hasrat untuk mewujudkan sekolah-sekolah sebegini menjadi realiti dan seterusnya menjadi sekolah contoh kepada sekolah-sekolah lain dalam mencipta kecemerlangan institusi masing-masing.

27. Keempat, Kementerian telah merangka suatu insentif berbentuk kewangan dan bukan kewangan kepada kepimpinan sekolah yang telah berusaha memajukan serta menyumbang kepada profesionalisme pengurusan dan kesejahteraan institusi masing-masing. Bermula tahun 2010, semua pemimpin sekolah perlu menetapkan sasaran yang perlu dicapai dengan persetujuan bersama Kementerian. Pencapaian prestasi sekolah adalah berdasarkan skor komposit iaitu kombinasi skor Gred Purata Sekolah (GPS) dan skor Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Pengetua dan Guru Besar yang mencapai kedudukan tertinggi akan layak menerima ganjaran. Kementerian berharap agar ganjaran ini menjadi pendorong kepada semua pemimpin sekolah untuk terus berusaha dengan gigih bagi mencapai sasaran yang ditetapkan dan seterusnya meningkatkan kualiti sekolah sehingga menjadi sekolah berprestasi tinggi.

28. Dalam usaha kita untuk menjadi negara maju, kita juga perlu melahirkan modal insan yang berkemahiran tinggi. Alhamdulillah, dalam kalangan pelajar kita terdapat mereka yang lebih cenderung untuk mengasah bakat dalam bidang kemahiran. Menyedari hakikat ini, Kementerian telah menstruktur semula 69 buah Sekolah Menengah Teknik untuk dijadikan Sekolah Menengah Vokasional yang diharapkan dapat menggarap kemahiran pelajar-pelajar kita dan meningkatkan daya inovasi dan kreativiti mereka. Kita juga telah merancang program yang terbaik agar sekolah aliran vokasional dan kemahiran menjadi salah satu bidang aliran perdana dalam sistem pendidikan kita. Saya percaya dengan peningkatan mutu pendidikan kemahiran dan vokasional, kita akan dapat membekalkan tenaga kerja yang kreatif, inovatif dan berkemahiran tinggi yang amat diperlukan oleh negara, di samping mengurangkan

31. Untuk berjaya pada peringkat antarabangsa, kita perlu menguasai bukan sahaja satu bahasa malah pelbagai bahasa antarabangsa. Untuk tujuan itu, Kementerian telah mengambil langkah untuk memperkukuhkan penguasaan dalam bahasa Inggeris yang merupakan bahasa kedua negara, lantas dapat meningkatkan keupayaan murid menguasai ilmu terutama dalam bidang sains dan teknologi, serta mempersiapkan mereka menghadapi persaingan arus globalisasi, selain menggalakkan murid menguasai bahasa-bahasa antarabangsa lain di dunia. Antara usaha yang dijalankan untuk mengukuhkan penguasaan bahasa Inggeris ialah dengan menambah bilangan guru bahasa Inggeris berkualiti melalui latihan perguruan menggunakan jurulatih utama dari luar negara atau penutur jati bahasa tersebut. Selain itu, penambahan masa dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris sebanyak 90 minit untuk Sekolah Kebangsaan dan 60 minit untuk Sekolah Jenis Kebangsaan membuktikan kesungguhan Kementerian untuk memperkukuhkan bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Sebanyak empat IPG dan *English Language Training Centre* (ELTC) telah dikenalpasti sebagai 'Pusat Kecemerlangan Bahasa Inggeris'. Semua IPG ini akan melaksanakan pelan tindakan untuk memperkukuhkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan guru pelatih dan dalam perkhidmatan sepanjang tahun 2010 dan tahun-tahun berikutnya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

32. Kementerian telah merancang pelbagai usaha untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan dan menambahbaik sistem pendidikan negara. Namun, usaha dan perancangan tersebut akan menghadapi cabaran yang bukan sedikit pada tahun 2010 ini. Sebagai permulaan, krisis ekonomi dunia yang berlaku telah memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara kita. Situasi ini telah menjejaskan pendapatan negara. Ini menyebabkan peruntukan perbelanjaan Kementerian Pelajaran pada tahun ini dikurangkan kepada RM30.51 billion berbanding RM31.4 billion pada tahun lalu. Cabaran kepada Kementerian ialah untuk meneruskan segala aktiviti sedia

kekangan yang mungkin kita hadapi bagi tahun 2010 ini akan dapat kita harungi jua dan tangani dengan jayanya.

36. Warga pendidik adalah nadi utama dalam pembangunan negara. Justeru, marilah kita bersama-sama merealisasikan agenda pendidikan yang telah kita rancang dan memikul tanggungjawab dengan penuh iltizam dan azam yang kental. Memandangkan cabaran dalam bidang pendidikan amat besar, wajarlah kita semua warga pendidik bersikap *bagai aur dengan tebing, cubit peha kiri peha kanan terasa jua*. Kerjasama semua warga pendidik amat penting dalam menjamin kejayaan agenda pendidikan negara yang berterusan.

37. Kepada para pelajar, harapan saya tentu sekali anda semua mencapai kejayaan cemerlang dalam pelajaran. Ingatlah bahawa setiap usaha yang dilakukan oleh para guru dan seluruh warga Kementerian ini ialah untuk mendidik anda semua agar menjadi pelajar yang cemerlang. Justeru, berusahalah dengan gigih, hormatilah para guru dan ibubapa, peliharalah disiplin dan sahsiah diri, dan capailah impian anda. Di samping itu, jadikanlah sekolah kita sebagai medan untuk memperkukuhkan perpaduan. Hayatilah semangat 1Malaysia dengan sepenuh hati dan amalkanlah sikap saling hormat-menghormati. Saya percaya dengan sikap yang baik ini kita akan berjaya memupuk semangat perpaduan yang lebih kental.

#### **PENUTUP**

38. Akhirnya, saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga kepada semua warga Kementerian Pelajaran, termasuk semua pendidik yang berada di seluruh pelusuk negara yang telah berusaha dengan gigih untuk menjayakan pelbagai program pada tahun 2009. Bagi tahun baru 2010 ini, saya berharap usaha dan kecemerlangan pendidikan akan dilonjakkan lagi agar kita dapat menyediakan pendidikan terbaik kepada anak-anak kita pada hari ini dan masa depan. Selamat